

ABDULLAH EHLID AL WALID BIN LULI @ EHLID LULI**PROPOSAL****A. Penerangan karya**

Karya ini berukuran 182.88cm x 243.84cm. Media yang akan digunakan adalah campuran(mixmedia). Pengkarya menggabungkan dua unsur (combination elements) iaitu catan dan arca Karya di gantung pada runag dinding yang luas. Karya ini dibingkaikan seperti kotak (frame mempunyai kelebaran atau ketinggian ke hadapan) dan visual imej / arca berada di tengah bingkai dan setiap sudut terdapat lampu yang akan memfokuskan bentuk arca di dalam bingkai.

B. Konsep & Idea (Idea & Concept)

Gabungan dua unsur (elements) iaitu catan dan arca. Konsep pengkaryaan ini adalah suatu landskap fantasi yang akan meneroka pelbagai rupa dan bentuk disamping mengeksplorasi potensi bahan sebagai satu alternatif dalam pengkaryaan. Idea yang akan di bawa adalah berkenaan isu “ **ANORGANIK**” Dikutip dari buku Pengelolaan Sampah Organik dan Anorganik (2022), pengertian anorganik adalah sampah yang diproduksi dari bahan-bahan non-hayati, sumber daya alam tidak terbarui, dan hasil proses teknologi pengelolaan sisa bahan industri. Salah satu contoh sampah anorganik adalah sampah daripada plastik. Sebagian besar sampah anorganik tidak dapat terurai oleh alam atau mikroorganisme. Merujuk statistik yang di keluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bagi tahun 2021 untuk rekod kadar kitar semula, plastik adalah bahan sisa pepejal kedua selepas bahan kertas dibazikan. Melihat akan senario ini, ia amat membimbangkan kerana kadar populasi negara semakin meningkat berdasarkan data terkini menunjukkan sebanyak 2.4% anggaran pertumbuhan populasi atau 600,000 orang setahun, bermakna lebih banyak pembuangan sampah akan dihasilkan.

"Keadaan ini akan memburukkan lagi situasi sedia ada. Apatah lagi data terbaru menganggarkan sebanyak 14 juta tan sampah setahun akan dikutip sepanjang 2022 atau hampir 40,000 tan sehari dengan anggaran 95 peratus daripada sisa pepejal yang dikutip dilupuskan di tapak pelupusan," kata Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman kepada Bernama. (Mohammad Basir & Sakini, 2022).

Plastik merupakan bahan yang tidak bersifat natural kerana sifatnya yang tidak reput atau terurai secara semulajadi sekiranya ditanam untuk tujuan pelupusan. Plastik adalah bahan yang dikategorikan sebagai moden (Hanif & Marzuki, 2006). Bahan ini jika dipanaskan akan berubah bentuk semulajadinya dan ia tidak akan bertindakbalas dengan mikro-organisma yang menjadi agen pereputan. Ini menunjukkan bahawa sifat plastik itu

boleh digunakan secara berulang kali, dilentur, dibentuk mengikut keinginan dan kekal selamanya

Oleh yang demikian, sebagai salah seorang pengiat seni kreatif yang aktif dalam pengkaryaan adalah menjadi peluang pengkaji untuk melihat lebih luas terhadap subek dan bahan untuk di eksplorasi menjadi karya seni arca kontemporari. Hal ini juga didorong dengan kecenderungan naluri artistik pengkaji dalam menerokai bidang ilmu dan melebari jalur kreativiti yang bersifat pelbagai dan kebaruan (novelty) dalam pengkaryaan yang selama ini lebih bersifat dua dimensi. Ketertarikan dan kesukaan akan sesuatu sebenarnya dapat membentuk ransangan dan inspirasi kepada pengkarya dan seterusnya melahirkan idea dasar dalam proses pengkaryaan seni. Menurut Read (1959), seni berasal daripada perkataan Latin “*ars*” yang membawa maksud kemampuan dan keupayaan dalam menghasilkan sesuatu secara kawalan sedar yang merangsang kepada penghasilan bentuk visual. Manakala dari segi pengertian seni, Sidi Gazalba (1977) menjelaskan seni diertikan sebagai usaha untuk mencipta sesuatu bentuk yang menyenangkan. Seniman merupakan individu yang kreatif dalam mencipta dan menghasilkan pelbagai bentuk dan rupa visual yang indah serta punya nilai astetik yang tinggi. Kreatif menurut kamus dewan (2010) dan Websters (1976), adalah kebolehan untuk mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. Manakala, Pengertian astetik adalah kecantikan, keelokan atau perihal yang menerangkan sesuatu yang indah (Kamus Dewan, 1979). Di dalam membina perkembangan idea, pengkaji akan menfokuskan fenomena terhadap penggunaan termoplastik sebagai inspirasi dalam proses pengkaryaan dan mewujudkan sebuah karya arca kreatif. Maka dengan itu, proses ini akan berjalan dengan berlandaskan beberapa konsep, pendekatan dan teori.

Objektif kajian (RO)

1. Mengkaji dan meneliti proses kreatif arca kitar semula bahan HDPE sebagai refleksi sosial terhadap kelestarian alam sekitar, peranan budaya dan industri seni.
2. Mengeksplorasi dan mengeksperimentasi potensi-potensi bahan HDPE, Teknik dan gaya pengkaryaan baharu yang mempunyai daya tarik tersendiri.

3. Menghasilkan karya arca dari bahan terbuang HDPE yang kreatif dan inovatif dengan penekanan terhadap subjek, bentuk dan makna dalam usaha mempengaruhi audien untuk memahami pengisian sesebuah arca dinding.

C. Pernyataan karya

Proses urbanisasi dan industrialisasi telah menyebabkan masyarakat lebih tertumpu untuk hidup di Kawasan bandar. Permukaan bumi hampir didominasi oleh struktur bandar pada masa ini. Malangnya, hal ini menyebabkan pelbagai masalah kepada ekologi alam terutama sekali pencemaran alam sekitar yang melibatkan pembuangan sisa pepejal yang semakin meningkat. Pengkaryaan ini mengangkat “anorganik” sebagai suatu permasalahan kerana sifatnya yang tidak terhurai dan membahayakan sistem alam dalam jangka masa panjang. Pengkarya mengangkat isu ini sebagai refleksi sosial terhadap kelestarian alam sekitar, peranan budaya dan industri seni.

Karya ini merupakan karya berkonsepkan fantasi yang mengintegrasikan sifat alam (rupa dan bentuk) dan eksplorasi plastik sebagai tindakbalas terhadap cara dan hubungan manusia terhadap alam. Ia seperti “blob” atau gumpalan yang membawa audien ke dunia landskap eksotik yang sangat kompleks. Bahan utama yang akan digunakan adalah bahan termoplastik atau HDPE. Bahan terbuang ini akan di olah menjadi suatu karya visual yang mempunyai tarikan tersendiri selain mendukung dan menyampaikan pengetahuan terhadap SDG kepada masyarakat.

Karya ini juga bersifat 3D dan 2D dimana plastik akan dilenturkan, dioleh, dipotong, dicat dan dibentuk. Karya ini juga mempunyai bingkai dan lampu dipasang di sekeliling bingkai bagi menghasilkan kesan cahaya terhadap visual imej/ arca yang menjadi *focus* terhadap perubahan sifat asalnya.

LAKARAN CADANGAN

243.84cm



182.88cm